

Abdullah saran Felcra buka kilang berasas pertanian

UM 10 AUG 2003

Oleh ABDULLAH HAMID

KUALA LUMPUR 9 Ogos — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mencadangkan Felcra Berhad (Felcra) membuka kilang-kilang kecil dan sederhana untuk mengeluarkan produk berasaskan pertanian.

Beliau berkata, Felcra boleh mewujudkan 100 atau 200 kilang di kawasannya sendiri bagi tujuan pengeluaran produk berkaitan.

Katanya, di negara ini sudah terdapat banyak kawasan kilang pengeluaran industri seperti barangan elektrik dan elektronik serta alat-alat perubatan untuk eksport.

Namun begitu, katanya, kawasan kilang-kilang kecil dan sederhana berasaskan pertanian belum ada.

“Saya mencadangkan perkara ini selepas melihat Felcra dan koperasi-koperasinya berjalan dengan baik dan dengan adanya kilang-kilang kecil ini boleh melibatkan ramai peserta Felcra,” katanya.

Tambah beliau lagi, kerajaan akan memberi kerjasama sekiranya Felcra mahu kawasan mereka dimaju dan dijayakan serta bersedia memberikan bantuan apa yang boleh.

Abdullah membuat saranan ini semasa berucap merasmikan mesyuarat agung Koperasi Peserta-Peserta Felcra Berhad (KPPFB) kali ke-22 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Cadangan yang beliau kemukakan ekoran saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad supaya dimajukan program satu daerah satu produk.

Abdullah berkata, Felcra perlu mewujudkan industri kecil dan sederhana dengan menggunakan kepakaran, kebolehan serta menggembungkan sumber tanah dan kewangannya sendiri.

“Kita mahu usaha kita ini berjaya dan maju, perkara ini bukan sesuatu yang tidak boleh dijalankan, yang penting ialah kita berusaha bersungguh-sungguh,” katanya.

Beliau meyakinkan 1,000 ahli koperasi peserta Felcra yang menghadiri mesyuarat itu bahawa usaha itu boleh dijayakan asalkan ada keazaman dan kesungguhan.

“Bantuan boleh diberi, tunjuk ajar boleh diberi, apa-apa juga daripada segi nasihat teknikal dan kewangan boleh diberikan, yang diperlukan hanyalah kemahuan,” katanya.

Sementara itu Pengerusi Felcra, Datuk Hamzah Zainuddin berkata, pihaknya bersedia menerima cadangan itu dan akan mengadakan mesyuarat jawatankuasa melaksanakan program itu secepat mungkin.

“Semua butiran berkenaan dengan cadangan itu akan diputuskan oleh mesyuarat jawatan kuasa berkenaan,” katanya kepada pemberita selepas majlis perasmian berkenaan.